

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM PERSIDANGAN  
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN  
ANGKASA  
14 JULAI 2023 (JUMAAT)**

**10.00 PAGI  
HOTEL TH, KELANA JAYA  
SELANGOR**

---

Bismillahhirrahmannirrahim,

Terima kasih Saudara Pengacara  
Majlis;

**Yang Berbahagia Tuan Haji  
Zaharuddin Bin Alias** Pengerusi  
Jawatankuasa Audit Dalam  
ANGKASA

**Yang Berusaha En. Zaini Bin Sa'ad**  
Setiausaha Jawatankuasa Audit  
Dalam ANGKASA

**Yang Berusaha Dato' Shaharudin  
Mohd Sa'ad** Jawatankuasa Audit  
Dalam ANGGKASA

**Yang Berusaha Dr. Ainuddin Bin  
Bahari** Jawatankuasa Audit  
Dalam ANGGKASA

**Yang Mulia Raja Rusman Bin Raja Samah**      Jawatankuasa Audit  
Dalam ANGGKASA

**Yang Berusaha**  
Puan Haslinda Hamzah  
Pengurus  
Unit Audit Dalam ANGGKASA

**Serta kakitangan Unit Audit  
Dalam ANGGASA.**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian,**

**Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.**

---

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapatlah kita bersama-sama hadir secara 'Fizikal' bagi menjayakan Program Persidangan Jawatankuasa Audit Dalam ANGGKASA kali pertama

pada tahun 2023 yang diadakan di Hotel Tabung Haji Klana Jaya.

2. Di sini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Zaharuddin Bin Alias, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam ANGGASA atas kesudian

menjemput saya bagi  
menyempurnakan dan seterusnya  
merasmikan Program Persidangan  
Jawatankuasa Audit Dalam  
ANGKASA.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Seperti yang kita semua tahu proses pengauditan melibatkan penilaian maklumat kewangan, mengenal pasti risiko dan pada akhirnya menyediakan cadangan untuk penambahbaikan. Melalui pengauditan, kita dapat pandangan tentang kesihatan kewangan, mengenal pasti kepincangan dalam tadbir urus dan

pada akhirnya mewujudkan kredibiliti dengan pihak berkepentingan.

4. Pengauditan amat penting dalam sektor koperasi kerana kerana koperasi adalah insitusi yang ditubuhkan secara bersama dan ditadbir atas kepercayaan dan kerjasama anggotanya. Dalam konteks ini,

pengauditan memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan koperasi dan anggotanya dengan mengelakkan penyelewengan kewangan, salah urus dan memastikan sumber digunakan secara telus untuk manfaat anggotanya.

5. Pemeriksaan Audit Dalaman adalah penting kerana kepada struktur tadbir urus keseluruhan koperasi. Mereka bertindak sebagai komponen utama dalam menyemak serta menilai keberkesanan kawalan dalaman dan memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan dasar yang telah

ditetapkan. Usaha ini akan meningkatkan akauntabiliti, ketelusan serta memupuk budaya tadbir urus yang baik.

6. Koperasi bergerak dalam persekitaran yang dinamik di mana pelbagai risiko boleh memberi kesan kepada operasi mereka. Juruaudit

dalam membantu koperasi untuk lebih bersedia untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko ini. Dengan menyediakan sumber yang diperlukan, koperasi boleh mengurus risiko secara proaktif, melindungi aset, dan memastikan kemampuan organisasi dalam jangka masa yang panjang.

7. Koperasi tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan peraturan. Juruaudit dalaman mempunyai pengetahuan untuk memastikan pematuhan terhadap perkara sebegini digunapakai. Mereka boleh memberi panduan, menjalankan audit dan membuat cadangan untuk memastikan operasi koperasi sejajar

dengan rangka kerja undang-undang yang ditetapkan. Usaha sebegini dapat meminimumkan risiko ketidakpatuhan, penalti dan pertikaian undang-undang.

**Hadirin yang dihormati sekalian.**

8. Untuk makluman, Program Persidangan Jawatankuasa Audit

Dalam Angkasa ini adalah sebagai platform kepada Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) dan (UAD) untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan, isu-isu dan cabaran semasa yang berkaitan

9. Program ini juga bertujuan untuk semakin penambahbaikan berterusan terhadap meningkatkan 'Quality Assurances' pengurusan penyediaan perkhidmatan pengauditan dari aspek proses, prosedur dan pelaporan yang dibangunkan.

10. Program Persidangan Jawatankuasa Audit Dalaman ini juga adalah platform pendedahan kepada perubahan persekitaran dalam memastikan sasaran dan skop pengauditan memberi impak berkesan kepada Jawatankuasa Tertinggi dan Pengurusan.

11. Selain itu, semakan pelaksanaan pelan tindakan terhadap isu dan cabaran prestasi aktiviti tahun sebelumnya dapat dipertengahan melalui program ini. Dari semakan itu kita dapat mengkaji untuk mengaplikasikan penambahbaikan berterusan berkaitan sasaran dan skop

pengauditan mengikut perubahan dari masa ke semasa.

12. Saya berharap platform hari ini menyediakan akses kepada kepelbagaian maklumat, termasuk amalan terbaik, piawaian industri dan kemas kini kepada peraturan semasa. Juruaudit dalaman boleh

memanfaatkan pengetahuan ini untuk meningkatkan pemahaman mereka berkenaan prinsip pengauditan dan mengikuti perubahan trend dan keperluan terkini.

13. Akhir kalam, dengan penuh takzim dan dengan lafaz yang mulia: Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan

ini merasmikan Program Persidangan  
Jawatankuasa Audit Dalam  
Angkasa Bil.1/2023.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,  
wassalamu'alaikum wa rahmatullahi  
wa barakatuh.

Terima kasih.